

Mahathir yakinkan peniaga Amerika

Dari REJAL ARBEE

NEW YORK, Jumat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu ahli-ahli perniagaan Amerika di sini, Malaysia menjadi lebih stabil dan mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970.

Beliau berkata, kestabilan politik sekarang merupakan yang terbaik pernah dialami, sementara pertumbuhan ekonomi pula adalah lebih baik dari zaman sebelum DEB.

Akhir-akhir ini, bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi negara terjejas sedikit akibat kemelesetan ekonomi dunia. Pertumbuhan tahun ini dijangka hanya di sekitar 4% peratus, berbanding kadar tahunan lapan peratus sebelum ini, katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan hal ini dalam perbincangan tidak rasmi semasa makan tengah hari dengan kira-kira 30 pemimpin pelbagai lapangan perniagaan Amerika, di hotel Plaza, semalam (hari ini di Malaysia).

Beliau berkata, Malaysia telah mem-

buktikan salahnya ramalan-ramalan buruk terhadapnya dengan menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik selcepas peristiwanya 13 Mei 1969.

Beliau berkata, di Kuala Lumpur sahaja, lebih dua pertiga daripada pembinaan bangunan-bangunan tinggi dilaksanakan selcepas 1969.

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya berkata, ini menunjukkan bahawa peristiwa tersebut tidak menjejaskan politik dan ekonomi negara tetapi sebaliknya, menyedarkan rakyat tentang pentingnya mereka menyesuaikan diri dengan keadaan ekonomi yang berbeza antara kaum dan usaha kerajaan untuk merapatkan jurang perbezaan itu.

Perdana Menteri menghuraikan usaha-usaha kerajaan untuk mengatasi masalah perbezaan dari segi kekayaan di kalangan pelbagai kaum, sementara pada masa yang sama, cuba menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum.

Beliau juga menjelaskan, perbezaan itu ditimbulkan oleh kuasa penjajah British. Perbezaan itu, katanya,

● LIHAT MUKA 3

Dr. M jelaskan tujuan DEB

● DARI MUKA 1

bukan sahaja dari segi kekayaan tetapi juga dalam bentuk pemisahan fizikal di kalangan kaum.

Oleh yang demikian, hibit-bibit permusuhan antara kaum sudah pun terdapat di Malaysia.

Berikutan peristiwa itu, kerajaan meng-gubal satu dasar baru untuk mencegahnya dari berulang dan dengan itu melancarkan DEB, bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih saksama, katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan memberi tempoh 20 tahun sehingga 1990 untuk mencapai matlamat 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi negara.

Mencegah

Bellau berkata, dalam setengah-setengah sektor seperti bank, perladangan dan perijombangan, matlamat itu telah dicapai sementara dalam sektor lain tidak banyak perubahan dibuat.

Bellau berkata lagi, matlamat 30 peratus penyertaan Bumiputera itu adalah berasaskan kepada angka keseluruhan. Ini bermakna, dalam bidang-bidang tertentu, penyertaan Bumiputera mungkin lebih daripada 30 peratus sementara dalam bidang lain, mungkin kurang daripada itu.

Ditanya mengenai dasar memandang ke timur, Perdana Menteri berkata, tujuan utamanya ialah untuk mempelajari faktor-faktor yang menyebabkan negara Jepun dan Korea begitu berjaya.

Ditanya oleh seorang ahli perniagaan Amerika, sama ada Malaysia merancang untuk melabur di Amerika Syarikat, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Ya, jika kami mempunyai wang yang berlebihan. Pada masa ini, Bank Negara agak cerewet dalam perkara ini kerana ia tidak suka terluat banyak wang mengalir keluar."

Perdana Menteri juga menekankan, Malaysia mungkin ingin membeli beberapa syarikat Amerika, "Tetapi anda mempunyai undang-undang yang begitu ketat yang menyulitkan kami untuk berbuat demikian."

"Kami telah membeli sebuah syarikat British baru-baru ini dan anda sendiri tahu berapa banyak masalah yang timbul antara kami dengan pihak British," katanya.

"Memandangkan yang kami ingin terus bersahabat dengan Amerika Syarikat, saya rasa tidak susahlah kami fikir tentang membeli syarikat Amerika, tidak pada waktu ini."